

## Keperluan Pembinaan Panduan Pemilihan Calon Pilihan Raya Untuk Belia *The Need for Establishing Guidelines for Young Voters in the Selection of Electoral Candidates*

Farrah Nuur Fatheeah Zullaile\*, Zuliza Mohd Kusrin, Anwar Fakhri Omar

Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

### ABSTRAK

*Golongan pengundi muda berusia 18 tahun menimbulkan polemik dalam pilihan raya arena semasa. Kertas ini menganalisis keperluan panduan pemilihan calon pilihan raya untuk golongan belia dengan menggunakan pendekatan kualitatif melalui kajian kepustakaan. Kajian ini mengkaji ciri-ciri pemilihan pemimpin menurut Islam dan sumber rujukan politik belia dalam pemilihan pemimpin. Sumber maklumat politik belia terdiri daripada media sosial dan berita media. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ciri-ciri pemilihan pemimpin menurut Islam adalah berdasarkan keperibadian, ketokohan, dan kredibiliti susuk pemimpin dalam konteks semasa. Selain itu, kajian ini juga mendapati keperluan untuk membina panduan pemilihan calon pilihan raya yang menekankan kematangan belia dalam berpolitik. Konteks politik di Malaysia tidak menyediakan panduan khusus bagi belia dalam memilih calon pilihan raya, hanya pendedahan yang terhadap sistem pilihan raya tanpa penjelasan yang menyeluruh mengenai pemilihan pemimpin. Dalam menghadapi perkembangan zaman dan situasi semasa, pembaharuan praktikal dalam memilih pemimpin mengikut sistem politik moden (demokrasi) di Malaysia adalah isu penting untuk diketengahkan demi masa depan negara.*

### KATA KUNCI

*Belia, Pemimpin, Politik, Islam, Pilihan Raya.*

### ABSTRACT

*The inclusion of 18-year-old voters in the contemporary electoral landscape has generated significant debate. This paper undertakes a qualitative analysis of the need for guidelines in selecting electoral candidates for young voters, based on a literature review. It scrutinizes the traits considered in Islamic teachings for selecting leaders and the political reference sources that youths rely on in their decision-making process. These sources typically encompass social media and news media. The study's findings suggest that according to Islamic principles, the selection of leaders hinges on personality traits, leadership skills, and leaders' credibility in the current context. Furthermore, the study recognizes the need to establish guidelines for selecting electoral candidates, emphasizing the maturity of youths' political engagement. However, in the Malaysian political landscape, there are no explicit guidelines to aid the youth in selecting electoral candidates. Instead, young voters are introduced to the electoral system without comprehensive instructions on how to choose leaders. Given the evolving times and current conditions, practical reforms in leader selection within Malaysia's modern political system (democracy) are critical issues that warrant attention for the nation's future.*

### KEYWORDS

*Youth, Leaders, Politics, Islam, Elections*

### Article History

Received: March 3, 2023

Revised: May 16, 2023

Accepted: May 24, 2023

Published: June 15, 2023

### \* Contact

Farrah Nuur Fatheeah Zullaile  
(Corresponding Author)  
p113127@siswa.ukm.edu.my

### Citation

Farrah Nuur Fatheeah Zullaile, Zuliza Mohd Kusrin, Anwar Fakhri Omar, Mohamad Muntaha Hj Saleh. 2023. Keperluan Pembinaan Panduan Pemilihan Calon Pilihan Raya Untuk Belia. *Journal of Contemporary Islamic Law*. 8(1): 42-50.

### Copyright

© 2023 by the author(s)



This work is licensed under a Creative Commons Attribution-NonCommercial 4.0 International License. (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

إِذَا كَانَ ثَلَاثَةٌ فِي سَفَرٍ فَلْيُؤَمِّرُوا أَحَدَهُمْ

“Jika ada tiga orang bepergian, hendaknya mereka mengangkat salah seorang di antara mereka menjadi pemimpinnya.” (HR Abu Dawud dari Abu Hurairah).

## PENGENALAN

Belia berusia 18 tahun kini telah didaftarkan secara automatik bermula 15 disember 2021 (Saadiah Ismail 2021). Pindaan Perlembagaan Persekutuan berkaitan had usia mengundi bermula 18 tahun berbanding sebelum ini (21 tahun) merupakan suatu pembaharuan yang bertujuan untuk memupuk semangat patriotisme dan keterlibatan belia dalam pembuatan dasar dan keputusan negara, mempercepatkan kematangan belia, melibatkan belia dalam kepimpinan negara dan pengguna terbesar teknologi di Malaysia (Nurul Hazirah Kamaruddin 2022). Sekali gus, mendengar dan memberi peluang kepada belia untuk bersuara. Dari sudut pilihan raya, penurunan had usia mengundi menambahkan lagi angka pengundi dalam kalangan belia.

Belia menurut Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (2015) merupakan belia bersekolah, belia pengajian tinggi, belia berisiko dan terpinggir, belia minoriti, belia massa (*youth at large*), belia Malaysia antarabangsa dan belia bekerjaya. Usia belia adalah permulaan menghadapi cabaran apabila perlu memikirkan kepentingan kehidupan peribadi mereka seperti pendidikan, mencari peluang pekerjaan, perkahwinan dan kos sara hidup sehingga menjauhkan diri dari terlibat dengan politik.

Penglibatan belia memainkan peranan dalam keputusan pilihan raya. Belia merupakan majoriti pengundi yang berperanan menentukan hala tuju negara melalui kebijaksanaan dalam memilih dan literasi kefahaman untuk memimpin pada masa akan datang (Mohd Nizar Sudin et al. 2017). Ini berikutan, belia merupakan tunjang utama menongkat kepimpinan masa depan dalam membuat keputusan terhadap masa depan negara apabila terlibat dalam proses membuat keputusan kepimpinan (Safiah Suhaimi et al. 2016). Penyertaan belia dalam proses membuat keputusan memerlukan kepada kemahiran dalam mengenal pasti pilihan yang mungkin dan akibat dari sebuah keputusan yang dibuat.

Usia pengundi yang terlalu muda membawa kepada kekeliruan dan kecelaruan dalam menilai, memahami dan memilih pemimpin yang kompeten dan holistik dalam meneraju kepimpinan negara (Suzalina Halid 2022). Ianya memberi implikasi negatif bagi sebahagian golongan belia yang masih mentah dan tidak matang dalam berpolitik (Raja Hisyam Raja Zaid 2022). Bahkan, penglibatan belia dalam politik masih berada pada tahap yang rendah dan membimbangkan (Nor Azlina Endut et al. 2020). Namun, mahu atau tidak, memilih pemimpin menjadi suatu tanggungjawab yang harus dilaksanakan.

Kewajipan memilih pemimpin yang kompeten dan layak mentadbir urus sebagaimana hadis Nabi SAW di dalam kitab al-Jihad:

Manakala, Sheikh Wahbah al-Zuhailly dalam tafsir al-Munir menjelaskan bahawa kriteria pemimpin bukan dipandang berdasarkan harta dan kekayaan, namun, dilihat pada kebijaksanaannya, agama dan kekuatan serta bukan di lihat dari nasabnya. Sebagaimana Allah SWT menyatakan bahawa Thalut dipilih menjadi raja oleh kerana ilmunya dan kekuatan fizikal yang selayaknya sebagai seorang pemimpin biarpun Bani Israil memiliki nasab yang lebih mulia.

Dalam konteks politik di Malaysia sistem demokrasi menjadi salah satu medan dalam menentukan pemimpin yang mampu dan selayaknya dengan membuang undi dalam pilihan raya. Kajian Hairol Anuar Hj Mak Din & Zakaria Stapa (2012) mendapati kebelakangan ini terdapat gejala kecelaruan dan kekeliruan politik dalam kalangan golongan muda. Ini berikutan Pilihan Raya Umum 15 yang lalu menampilkan belia berusia 18 tahun turut serta mengundi, namun mereka masih keliru dan samar-samar dalam pemilihan calon (Nina Muslim 2022). Berdasarkan kaji selidik, sebanyak 41 peratus belia masih belum bersedia menentukan pilihan mereka (Raja Hisyam Raja Zaid 2022).

Budaya politik yang dulunya bersifat hegemoni beralih kepada budaya politik yang lebih terbuka dan kritikal (Muhammad Nadzri Mohamed Noor & Ghazali Mayudin 2008). Perubahan budaya dan lanskap politik di Malaysia bergerak seiring kemajuan teknologi media memberi implikasi apabila pengundi muda mengikuti perkembangan dunia politik melalui medium tersebut dan mendapat informasi tentang isu-isu dan tingkah laku politik seterusnya membuat penilaian terhadap pihak kerajaan dan pembangkang.

Tahap kepercayaan belia mengenai dunia politik di Malaysia melalui media adalah tinggi dalam mengenali pemimpin politik (Nurul Naemah Hamedan, Syed Agil Shekh Alsagoff & Akmar Hayati Ahmad Ghazali 2019). Ianya memberi impak dan pengaruh terhadap keputusan politik. Kajian Junaidi Awang Besar (2016) mendapati akses sumber maklumat melalui pembacaan dan maklum balas terhadap sesuatu maklumat akan mempengaruhi pendirian seseorang sama ada bersikap percaya sepenuhnya ataupun menafikan maklumat yang diperolehi tersebut. Berita politik media sosial yang diragui dan dipertikai kesahihannya mengeruhkan lagi kefahaman dan kekeliruan belia dalam usaha mendapatkan keyakinan untuk mengundi pemimpin yang dipercayai (Ali Salman et al. 2018).

Dalam merealisasikan, negara yang stabil dari sudut ekonomi, politik dan sosial, ia memerlukan pemimpin yang telus. Namun, kepimpinan dan

ketelusan politik negara sering menjadi isu setiap kali wujudnya pilihan raya hari ini menjejaskan kredibiliti dan kepercayaan sebagai pemimpin (Hairuzzaki Mohd Yusof 2014). Ketiadaan sumber rujukan atau panduan pemilihan calon menjadikan belia merujuk maklumat berkaitan pilihan raya melalui media sosial yang tidak diketahui kesahihannya (Nursyahida Zulkifli et al. 2021).

Secara kesimpulannya, kajian ini dilaksanakan untuk mengenalpasti dan menganalisis indikator bagi keperluan pembinaan panduan pemilihan calon pilihan raya akan datang. Hal ini demikian kerana belia cenderung memilih calon dengan kriteria tertentu yang boleh menunaikan aspirasi dan mendengar suara mereka (Yazid Saleh et al. 2020). Pada masa yang sama, belia tidak lagi mempercayai tawaran mereka yang bertanding kerana dirasakan ia hanyalah retorik bagi meraih undi (Nur Hasliza Mohd Salleh 2023). Oleh itu, kajian ini sangat realistik untuk dikaji dan diperhalusi.

### 1. Ciri-ciri Pemilihan Pemimpin Menurut Islam

Al-Mawardi (1993) di dalam *al-Ahkam al-Sultaniyyah* mendefinisikan pemimpin sebagai pengganti Rasulullah SAW dalam urusan agama dan mengurus umat manusia (urusan dunia). Kewajiban melantik pemimpin yang layak adalah menjadi keutamaan bagi pengundi masa kini bagi menjamin kestabilan halatuju negara. Seorang pemimpin yang dilantik mestilah memiliki idealistik dan boleh menjadi *qudwah hasanah* (teladan yang baik) bagi orang yang dipimpin.

Begitu juga, al-Quran telah menggariskan beberapa ciri pemimpin yang layak dipilih seperti pemimpin yang mampu menjaga agama dan menegakkan syariat Allah SWT (surah al-Hajj 22:41), pemimpin yang memiliki quwwah (kekuatan) dari semua sudut; fizikal, spiritual, emosi dan mental (surah al-Qasas 28:26), memiliki sifat taqwa (surah al-Baqarah 1:103), pemimpin yang amanah, adil dan tidak melakukan kezaliman (surah al-Nisa' 4:58) dan seseorang yang bertanggungjawab dan tidak sombong kepada mereka yang di bawah kepimpinannya (surah al-Taubah 9:128). Panduan dan penjelasan dari al-Quran memberikan gambaran sifat-sifat yang perlu ada pada seorang pemimpin yang baik.

Menyoroti kepemimpinan pada Zaman al-Khulafa' al-Rashidin menunjukkan bahawa para sahabat melakukan musyawarah dan berjihad sebelum memutuskan pemimpin yang layak sesuai dengan tuntutan al-Quran dan al-sunnah (Indra Fauzan & Nidzam Sulaiman 2019; Sutisna 2014; Yusof 1963). Kegemilangan pimpinan al-Khulafa' al-Rashidin menjadi *qudwah* pimpinan terbaik setelah kewafatan Rasulullah SAW (Yuni Masrifatin 2018).

Pelantikan 'Uthman ibn 'Affan dan 'Ali ibn Abi Talib juga terjadi kerana ketokohan pemimpin dari sudut keimanan, keadilan, kebijaksanaan dan sebagainya yang dilihat dalam diri mereka oleh sahabat senior yang tidak dapat disangkal kehebatan

dalam kepimpinan dan urus tadbir politik negara (Indra Fauzan & Nidzam Sulaiman 2019). Ketokohan yang dimiliki oleh para sahabat meyakinkan masyarakat ketika itu untuk menaruh kepercayaan yang jitu dalam kepimpinan yang selari diantara politik dan Islam. Selain kepimpinan mereka, bertepatan dengan masalah pada zaman dan keadaan semasa. Kepimpinan Rasulullah SAW dan para sahabat sentiasa bersifat tawaduk', telus dan amanah serta prihatin dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pemimpin yang disegani.

Taqiyy al-Din Ibn Taymiyah (1995) dalam kitabnya *Siyasah Syar'iyah: Etika Kepimpinan Islam* menggariskan kepimpinan kontemporari masa kini mestilah lahir daripada pemimpin yang mempunyai intelektual, kekuatan fizikal dalam mentadbir urus dan mengatur strategi kepimpinan dengan baik, bijaksana dengan dunia politik dan mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah semasa yang dihadapi dalam tempoh kepimpinannya. Kepimpinan berlandaskan syariat juga merangkumi penghayatan akidah, ibadah dan akhlak. Bukan berkaitan kepimpinan dalam urusan kehidupan manusia semata-mata tetapi memimpin roh dan jiwa ke arah *amar makruf nahi mungkar* yang berpegang teguh kepada al-Quran dan Sunnah (Halim Mokhtar et al. 2022). Ini kerana kehidupan manusia bersangkutan antara dunia dan akhirat.

Berdasarkan ciri-ciri pemimpin yang digariskan di atas, terdapat dua penekanan penting yang menjadikan pemilihan pemimpin *syumul*; yang pertama, sahsiah peribadi dan kedua, adalah sifat kepimpinan. *Syumul* ditakrifkan sebagai menyeluruh dan sempurna (Kamus Dewan Edisi Keempat 2017) tentang ciri-ciri pemimpin yang selayaknya dan mampu menggalas tugas sebaiknya. Ini menunjukkan pemilihan pemimpin seharusnya dibuat dengan berhati-hati dan mempunyai perancangan yang tersusun bersesuaian dengan keperluan semasa. Pemilihan perlu dilihat dari aspek pelbagai dan timbang tara yang selayaknya (Zulkifli Mohd Yusoff & Abdul Hafiz Abdullah 2013).

Jika ia diteliti secara terperinci, ciri pemilihan ini dapat dibangunkan menjadi satu panduan bukan hanya untuk belia, bahkan untuk mereka yang berhasrat meletakkan diri sebagai calon pemimpin masa hadapan agar mempersiapkan diri untuk menjadi *qudwah* yang disenangi. Namun, kemaslahatan, peredaran zaman dan keadaan serta senario di antara kredibiliti pemimpin dan implikasi daripada salah memilih pemimpin membawa kepada pembaharuan dan inovasi dalam pemilihan pemimpin.

### 2. Budaya Politik dalam Pemilihan Pemimpin di Malaysia Selepas 60 tahun Merdeka

Dinamika budaya politik melalui beberapa fasa; sebelum kemerdekaan dan setelah kemerdekaan (Arvin Tajari et al. 2022). Malaysia tergolong antara negara yang mengamalkan sistem pemilihan pemerintah melalui demokrasi berparlimen (pilihan raya) dan raja berperlembagaan setelah kemerdekaan.

Ia memberi peluang kepada masyarakat untuk berkuasa dan bersuara dalam menentukan pemimpin yang mampu memenuhi keperluan dan kebajikan sekali gus melibatkan rakyat dalam keputusan dasar-dasar negara. Pilihan raya akan dijalankan lima tahun sekali memberi pengaruh besar dalam perubahan dasar, sosio-ekonomi, sosial kehidupan dan politik undian masyarakat (Junaidi Awang Besar 2021).

Kajian lalu mendapati bahawa budaya politik Melayu telah melalui fasa yang baharu dari budaya politik *subject* ke budaya politik *participant* (Zawiyah Mohd Zain 2021). Perubahan budaya politik terjadi selepas 60 tahun Malaysia merdeka. Ini adalah kesan daripada keterlibatan masyarakat dan kebangkitan anak muda dalam berpolitik lalu memberi satu hubungan yang signifikan dalam pemilihan pemimpin. Dalam politik Era Malaysia Baharu, anak muda (belia) lebih cenderung untuk melihat perubahan dinamik dalam politik di Malaysia.

Budaya politik sebelum Pilihan Raya Umum ke-12 (2008) digambarkan sebagai *subject political culture* yang mana masyarakat ketika itu hanya menerima *output* daripada parti pemerintah tanpa penglibatan dalam dasar kerajaan yang dibuat (*input*) (Muhammad Nadzri Mohamed Noor & Ghazali Mayudin 2008). Ini menyebabkan normalisasi keputusan yang dibuat oleh pemimpin biarpun korupsi namun masih ditaati rakyat. Konsep kepimpinan politik ketika itu bersifat hegemoni kerana kerajaan Barisan Nasional (BN) mendominasi pemikiran rakyat, media dan dasar negara (Sulastry Yuni Ahmad & Nidzam Sulaiman 2008).

Namun, anak muda (belia) berjiwa kritis menginginkan perubahan dari sudut ekonomi, pendidikan, sosial dan politik (Junaidi Awang Besar et al. n.d.) menyebabkan berlakunya perubahan budaya politik. Situasi demikian berlaku kerana anak muda terdedah dengan idea modenisasi (Lee Kuok Tiung et al. 2018). Pemilihan pemimpin oleh belia adalah berdasarkan aspirasi, kehendak dan kepentingan peribadi seperti peluang pekerjaan, pemimpin yang sesuai dengan jiwa dan faktor kelangsungan hidup. Perubahan dan perkembangan pemilihan politik ini memberi kesan kepada generasi seterusnya yang masih mentah dan celaru dengan susur galur politik di Malaysia.

Pilihan Raya Umum 2008 (PRU-12) menyaksikan titik awal tercabarnya kedudukan kerajaan Barisan Nasional (BN) yang telah mendominasi pilihanraya sejak mencapai kemerdekaan (Sulastry Yuni Ahmad & Nidzam Sulaiman 2008). Ini berikutan Barisan Nasional hanya memenangi 140 kerusi Parlimen berbanding 222 kerusi yang dipertandingkan bersamaan 51.2 peratus undi majoriti dan gagal memperoleh 2/3 majoriti di Parlimen (Norhayati Mohd Salleh 2008). Gelombang penolakan terhadap Barisan Nasional disusuli dengan Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14). Berdasarkan analisis lalu mendapati, antara faktor yang mempengaruhi perubahan budaya undian adalah peranan media sosial (Junaidi Awang Besar et al.

2018; Suresh Kumar N Vellymalay & Sivarajan Porniah 2018; Mohd Agus 2018; Gunaseragam 2018) selain isu kos sara hidup, isu 1MDB, kerosakan imej atau personaliti atau peribadi pemimpin dan parti, pengaruh 1.4 juta pengundi baharu/muda dan perang persepsi juga mempengaruhi kekalahan BN ((Junaidi Awang Besar et al. 2018).

Secara asasnya, kemajuan teknologi yang mustahak dalam kalangan pengundi muda juga mempengaruhi perubahan arus politik dengan kepelbagaian sumber dalam mengenali pemimpin, memberi implikasi baharu dalam fenomena memilih pemimpin di Malaysia (Mujibu Abd Muis et al. 2010). Transformasi ini memberi ruang peredaran teknologi, kontroversi dan isu melibatkan pemimpin melemahkan parti pemerintah. Pengaruh media sosial dalam mendedahkan pergerakan politik mana-mana parti dengan lebih pantas tanpa berat sebelah kepada mana-mana pihak menarik perhatian pengundi muda (Azahar Kasim & Hasniza Kamarul Zaman 2021).

### **3. Keperluan pembinaan garis panduan pemilihan calon pilihan raya untuk belia adalah berdasarkan beberapa indikator;**

#### **i. Kematangan Belia dalam Dunia Politik**

Pindaan Perlembagaan Persekutuan terhadap penurunan had usia mengundi memberi peluang kepada belia seawal usia 18 tahun yang didaftarkan secara automatik, agar mereka turut serta dalam demokrasi pilihanraya (Anon 2019). Selain itu, ianya adalah usaha pihak kerajaan untuk mengukuhkan lagi institusi demokrasi (Seksyen Penyata Rasmi Parlimen Malaysia 2019). Perkara ini memberi peningkatan kepada kadar peratusan pengundi golongan belia.

Namun, belia dibimbangi belum matang untuk membuat keputusan dalam memilih calon atau parti yang bertanding dan masih belum mempunyai kesedaran kepentingan politik. Pada Pilihan Raya Umum 15 yang lalu, seramai 21.17 juta pengundi dengan separuh daripadanya (10.6 juta) merupakan pengundi muda (The Malaysian Insight 2022). Dengan pecahan 1.39 juta pengundi berusia 18 hingga 20 tahun dan 4.61 juta pengundi berusia 21 hingga 29 tahun.

Walaupun bagaimanapun, pengundi muda masih samar-samar dalam membuat keputusan memilih calon yang layak memegang tampuk pemerintahan negara. (Nor Najihah Zafari & Junaidi Awang Besar 2023) dalam kajiannya mendapati bahawa hanya 38 peratus pengundi muda yang mengambil tahu dan tidak pasti dengan isu politik di kawasan mereka. Terdapat juga mereka yang tidak mengambil tahu dan menganggap siapa sahaja yang memimpin adalah sama.

Menurut Nor Azlina Endut et al. (2020); Siti Noranizahhafizah Boyman (2019) penglibatan politik belia wanita masih di tahap yang rendah dan pasif dan perlu dipandang serius. Peranan dan kepentingan belia menentukan perubahan yang signifikan dalam menentukan hala tuju dan masa depan negara. Peringkat usia belia merupakan suatu permulaan bagi

seseorang untuk menghadapi cabaran dalam kehidupan yang menuntut mereka untuk membuat keputusan berkaitan masa depan kehidupannya (Nurul Hazirah Kamaruddin 2022).

Tinjauan Merdeka Center (Anon 2021) mendapati hanya 30 peratus belia yang berminat dengan politik terdiri daripada lelaki, kaum Melayu dan berpendapatan tinggi. Manakala selebihnya tidak peduli dengan politik Malaysia hari ini. Mereka merasakan bahawa politik Malaysia adalah suatu perkara yang rumit untuk dijangka dan difikirkan. Biarpun memandangkan positif bahawa matlamat dan aspirasi mereka akan ditunaikan, namun sikap optimis untuk mengenali ahli politik dan legitimasi politik sendiri tiada tarikan dalam kalangan belia.

Statistik daripada Malaysian Youth Data Bank System (2020) menunjukkan bahawa keterlibatan belia dan sikap ambil tahu tentang isu politik masih berada pada tahap yang rendah. Mereka lebih mengutamakan matlamat dan keinginan peribadi mereka dari sudut peluang pekerjaan, sosio-ekonomi dan sosial mereka (Junaidi Awang Besar 2018). Cabaran kehidupan masa depan pada usia belia menjadi salah satu faktor belia meletakkan isu politik sebagai urusan yang kurang penting.

Kajian Muhammad Nurarif bin Idris (2019) pula mendapati bahawa pemahaman politik pelajar masih lagi pada tahap yang rendah dan memerlukan sebuah inisiatif baru untuk diperbaiki. Ia dilihat dari sudut pendidikan serta pendedahan berkaitan politik dalam kalangan belia. Keterlibatan belia dalam politik seringkali dikaitkan dengan literasi politik yang memerlukan satu pembaharuan dan tindakan dalam meningkatkan kualiti belia dalam penglibatan kepimpinan negara.

Kajian Zaili binti Ibrahim et al. (n.d.) mendapati bahawa tahap kesedaran pelajar terhadap peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) ditahap yang sederhana. Kurangnya kefahaman pelajar tentang peranan dan kewujudan perwakilan menghasilkan kesedaran dan persepsi mengundi yang sederhana. Dalam Senario hari ini, ianya memperlihatkan belia kurang berminat untuk mengambil bahagian dalam pilihanraya. Mereka merujuk dan mengikuti isu semasa politik tetapi tiada kesedaran yang tinggi bahawa undian mereka mempunyai nilai dalam menentukan masa depan rakyat (Muhammad Saifulbakri Yusooof 2022).

Biarpun belia berminat dan peduli dengan isu politik, namun belia tidak berminat untuk melibatkan diri dan memperjuangkan isu politik. Lebih parah lagi apabila pengundi muda menjadikan pilihan raya sebagai medan eksperimen untuk menguji kaji pemimpin yang mampu melaksanakan tugas dengan baik (Shamrahayu Aziz 2012). Mereka perlu memahami konsep pilihanraya dan pemilihan calon. Belia perlu menguasai kefahaman ideologi politik dalam membangunkan negara bukan sekadar perebutan kuasa pemerintahan, bahkan menjadi satu wadah bagi urusan pentadbiran yang mendasari

undang-undang negara dalam mengawal selia urusan manusia.

Belia merupakan aset dan tunjang masa depan negara. Mereka merupakan antara pengundi terbesar dalam pilihan raya yang menjadikan mereka penentu masa depan negara (Mohd Nizar Sudin et al. 2017). Keterlibatan belia mempengaruhi penentuan calon pilihan raya parlimen dan pilihan raya kecil. Justeru, sewajarnya mereka dididik untuk membuat pilihan yang matang dan relevan. Kenyataan ini memerlukan belia yang kritikal dalam membezakan dan memahami fungsi serta tujuan politik sebenar. Penglibatan belia dalam politik sangat diperlukan bukan semata melalui isu semasa, penglibatan dan kesedaran tentang pentingnya politik untuk menjadikan negara yang stabil dari pelbagai sudut; ekonomi, sosial dan kemajuan.

## ii. Belia Merujuk Sumber Maklumat Politik di Media Sosial

Perubahan landskap politik dewasa ini, memperlihatkan perkembangan baharu penglibatan pengundi dalam isu politik. Mutakhir ini, dari sudut penguasaan naratif penggunaan media sosial menambahkan lagi *chaotic* dalam pemikiran pengundi. Ini berikutan strategi pilihan raya melalui media sosial semakin berkembang (Lee Kuok Tiung et al. 2018). Media sosial banyak memainkan peranan kepada pengundi 'atas pagar' pada Pilihan Raya Umum 14, apabila senario dan isu yang diketengahkan oleh pihak pembangkang mahupun kerajaan melalui medium tersebut menjadi penilaian bagi mereka dalam pilihan raya (Nurul Naemah Hamedan, Syed Agil Shekh Alsagoff & Akmar Hayati Ahmad Ghazali 2019).

Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin (2022), Ketua Perangkaan Malaysia berkata;

"Pelaksanaan survei selepas kemuncak pandemik COVID-19 telah memperlihatkan penggunaan internet dalam kalangan masyarakat Malaysia berusia 15 tahun ke atas telah meningkat dengan ketara kepada 96.8 peratus (2021) berbanding 89.6 peratus (2020)".

Kenyataan tersebut menunjukkan bahawa, peranan media sosial sangat ketara dalam kalangan belia zaman ini. Kepesatan penggunaan teknologi maklumat menyebabkan para remaja terpengaruh dengan geopolitik popular dalam pemilihan calon pilihan raya (Junaidi Awang Besar 2016). Kajian Nur Ellyanis Mohd Basori & Junaidi Awang Besar (2020) menunjukkan bahawa sebanyak 51.6 peratus belia bersetuju bahawa media sosial dan *online* memberi pengaruh kepada keputusan undian mereka. Kajian Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar (2012) mendapati 80.1 peratus golongan muda bersetuju, maklumat internet rujukan melalui media mempengaruhi kecenderungan politik mereka, 79.9 peratus belia memperoleh sumber maklumat politik melalui media elektronik dengan 63.2 peratus percaya dengan sumber maklumat tersebut. Ini adalah kerana,



kepentingan teknologi seiring dengan keperluan belia dalam mendepani media arus perdana.

Sesuai peredaran teknologi kini, media sosial menjadi salah satu batu loncatan bagi belia untuk mengenali dan mengikuti arus perdana dalam dunia politik, memandangkan ia satu-satunya platform terpantas untuk mendapatkan maklumat. Kajian Abdul Hadi Samsi (2014) mendapati bahawa media massa mempengaruhi penglibatan belia dalam politik dengan peratusan yang tinggi (72%). Media baharu dalam pilihan raya diperkenalkan bermula pada tahun 2008 kini menjadi platform terpantas dalam carian informasi pilihan raya (Nurul Naemah Hamedan, Syed Agil Shekh Alsagoff & Akmar Hayati Ahmad Ghazali 2019).

Dari sisi positif, kecanggihan teknologi zaman kini menjadikan belia sangat selesa mencari maklumat tentang ciri-ciri pemimpin yang dicalonkan melalui media apabila menjelang musim pilihan raya. Walau bagaimanapun, dari sudut lainnya, propaganda yang wujud dalam media masa mudah mempengaruhi golongan belia yang sedia hidup dalam era modenisasi kini (Aminaton Hajariah Husnu & Rusli Kamarudin 2021). Ini berikutan, media sosial seperti *facebook* berperanan sebagai alat meraih sokongan daripada pengundi, alat penyebaran maklumat berbaur politik, alat menanam indoktrinasi ideologi politik, alat penyebaran manipulasi fakta dan fitnah, alat perpecahan politik negara dan alat kacau ganggu keamanan negara (Zaini & Novel. 2021).

Kesannya melalui pembacaan dan maklum balas, terhadap sesuatu maklumat akan mempengaruhi pendirian seseorang sama ada bersikap percaya sepenuhnya ataupun menafikan maklumat yang diperoleh tersebut. Berita politik media sosial yang diragui dan dipertikai kesahihannya mengeruhkan lagi kefahaman dan kekeliruan belia (Ali Salman et al. 2018) dalam usaha mendapatkan keyakinan untuk mengundi pemimpin yang dipercayai.

Internet berperanan lebih daripada sekadar menjadi ruang hiburan, bahkan kini berfungsi sebagai medan mencari rujukan maklumat dan berperanan sebagai ruang siber yang demokratik dan bebas. Media memberi kesan yang positif dalam perkembangan dan peredaran dalam sesebuah bangsa. Namun, dari sudut negatifnya media sosial menjadi salah satu medan meluahkan perasaan dan mempengaruhi orang lain untuk terlibat sama dan membentuk satu persepsi negatif terhadap berita yang disebarkan tanpa usul dan bukti (Mohd Fuad Mat Jali et al. 2012). Persekitaran belia yang banyak meluangkan masa membaca isu-isu kesalahan pemimpin politik di media massa berisiko menerima maklumat yang kurang tepat semasa pemilihan calon pilihanraya.

Oleh yang demikian, anak muda perlu dibimbing secara langsung atau tidak langsung seiring dengan pelaksanaan Undi 18. Mereka perlu diberi pendedahan dan diterapkan rasa tanggungjawab terhadap negara yang diterjemahkan melalui peti undi. Memahami peranan sebagai pemilih dan fungsi pemilihan mampu memberi sumbangan kepada kehidupan belia di masa

depan (Zahar Din 2022). Justeru, sewajarnya belia di bantu melalui aspek garis panduan agar tidak keliru dengan tipu daya yang dibentangkan dalam media sosial ketika memilih pemimpin untuk membuat keputusan yang relevan pada pilihanraya-pilihanraya akan datang.

### iii. Tiada Panduan Pemilihan Calon Pilihan Raya Komprehensif di Malaysia

Selepas kewafatan Rasulullah, beberapa orang Sahabat Baginda telah dilantik ke pelbagai jawatan kepimpinan. Perlantikan mereka dibuat berdasarkan ketegasannya, keadilannya, amanah, berani, berpengetahuan luas dan mampu mempertahankan Islam dalam pemerintahannya (Aminaton Hajariah Husnu & Rusli Kamarudin 2021). Siyasa dan keperibadian para sahabat tidak merumitkan dalam pemilihan pemimpin melainkan mengangkat yang selayaknya. Seorang sahabat Rasulullah SAW yang agak lewat memeluk Islam, iaitu Khalid ibn al-Walid telah dipilih sebagai panglima perang berbanding seorang sahabat baginda yang memeluk Islam lebih awal, iaitu Abu Dharr, kerana kepimpinan beliau di medan perang serta atas dasar kekuatan dan ketangkasan Khalid ibn al-Walid diperlukan berbanding kesolehan Abu Dharr.

Indra Fauzan & Nidzam Sulaiman (2019) dalam kajian mereka mengatakan bahawa pelantikan pemimpin di zaman khulafa' al-rashidin mempunyai kepelbagaian mekanisme yang berbeza melihat kepada ijihad kepimpinan ketika itu. Kajian tersebut mendapati pertentangan sarjana barat yang menganggap bahawa Islam tiada model atau satu sistem pemilihan pemimpin yang khusus dalam konteks politik moden (demokrasi). Dalam Islam, tidak ditunjukkan secara jelas kaedah dan metode mana yang perlu diikuti sehingga dirasakan perlunya satu panduan dalam konteks politik terutamanya untuk belia yang masih tercari-cari ciri pemimpin sebenar yang perlu dipilih. Tetapi, al-Quran dan Sunnah telah menjelaskan ciri-ciri kepimpinan yang diperlukan dalam masyarakat.

Situasi pemilihan pemimpin ini menuntut kepada aspek penelitian bagi mencapai objektif dalam pemilihan. Kajian Aulia Naufal et al. (2019) melihat ciri-ciri pemimpin yang telah digariskan oleh al-Quran dan al-Sunnah. Al-Quran, al-Sunnah dan para sarjana Islam hanya memberi gambaran siapakah yang selayaknya dipilih dan seterusnya di taati. Dalam konteks sejarah Islam, pemilihan pemimpin dititik beratkan melalui dua cara; diputuskan pemimpin berikutnya oleh majlis syura yang terdiri daripada *ahl al-hill wa al-'aqd* dan pemilihan pemimpin berdasarkan kemaslahatan umat dan perkembangan semasa.

Sementara itu, Perlembagaan Persekutuan Malaysia dalam Perkara 47 dan Perkara 48 menggariskan panduan berkenaan kelayakan dan kehilangan kelayakan menjadi ahli Parlimen adalah mereka yang berumur tidak kurang daripada tiga puluh tahun bagi pencalonan ahli Dewan Negara dan tidak kurang daripada dua puluh satu tahun bagi

pencalonan ahli Dewan Rakyat . Namun, dalam Perkara 48 mana-mana ahli Parlimen boleh kehilangan kelayakan sekiranya; beliau disahkan tidak sempurna akal, seorang bankrap, memegang suatu jawatan yang berpendapatan, tidak menyerahkan apa-apa penyata perbelanjaan yang tertib sepanjang menjadi ahli Parlimen, disabit kesalahan oleh mahkamah Persekutuan atau disabit penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun atau denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan dia tidak mendapat pengampunan bebas serta memperoleh kewarganegaraan luar (memiliki kewarganegaraan selain Malaysia).

Perkara 47 dan Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan berkaitan pencalonan dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara memberi pandangan ringkas tentang kelayakan dan kehilangan kelayakan menjadi ahli Parlimen. Ini merupakan petunjuk asas tanpa melibatkan pandangan dan panduan majoriti menyeluruh ciri-ciri pemimpin (*syaksiah*) dan penelitian secara kritis tentang kelayakan dengan mendalam. Beliau mengharapkan pendedahan dalam memilih calon pilihanraya untuk membentuk negara. Ini kerana, topik Perlembagaan berkaitan negara dan fakta mereka boleh dapati dalam silibus pembelajaran, tetapi maklumat berkaitan pengetahuan politik dari sudut keperibadian dan kepimpinan calon lazimnya didengar daripada golongan tua (UOW Malaysia KDU 2022) dan media massa.

Di peringkat negeri, pendedahan terhadap sistem pilihanraya hanya sekadar mengadakan simulasi proses pengundian, namun hakikatnya proses pemilihan calon pilihanraya mencakupi aspek pengetahuan tentang hak mengundi, peraturan semasa hari mengundi dan pemilihan calon yang memenuhi aspirasi yang selari antara kepimpinannya sebagai pemimpin dan syariat Islam (Junaidi Awang Besar 2021).

Karakter kepimpinan penting dalam mendepani arus masa depan dan membawa masyarakat ke arah yang lebih produktif serta mampu mengekalkan keharmonian masyarakat majmuk di negara ini (Siti Khatijah Yasin et al. 2022). Politik Malaysia memerlukan suatu indoktrinasi yang jelas agar pengundi muda seperti beliau dan *first time voters* dapat memilih dengan panduan yang jelas apa tindakan yang perlu dilakukan menjelang pilihan raya. Kriteria yang disusun dalam panduan mestilah memenuhi ciri-ciri seperti pemimpin yang berakidah Islam, yang mampu mengurus kehidupan orang yang dipimpin dengan ilmu pengetahuan, seterusnya jujur dan adil (Aulia Naufal et al. 2019).

“The culture of Islamic politics needs new practice, and it should be practiced in a very great but humble manner. Differences in terms of political beliefs and attitudes among Islamic political parties should be based on the different in the aspects of thinking and quality of the practice.”(Aminaton Hajariah Husnu & Russli Kamarudin 2021)

Malaysia memerlukan suatu pembaharuan dalam mewujudkan suatu garis panduan yang seiring di

antara politik dan Islam (Aminaton Hajariah Husnu & Russli Kamarudin 2021; Irma Wani Othman et al. 2021). Hal ini akan membawa sumbangan yang besar kepada beliau untuk dijadikan sumber rujukan maklumat politik yang memadai untuk beliau fahami dengan lebih mendalam dan lebih menyeluruh persoalan yang berlegar dalam diri mereka. Politik hari ini juga tiada panduan khusus melainkan tatacara pilihan raya oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) dan bahan bacaan bercetak tanpa garis panduan dalam pemilihan pemimpin yang lebih dinamik dan komprehensif.

Mewujudkan suatu garis panduan dapat membantu beliau melihat dengan lebih optimis pemimpin yang selayaknya dipilih seimbang dengan keinginan dan aspirasi yang mereka utarakan. Dalam kata lain, politik dan Islam tetap seiring tanpa mengurangi salah satu daripadanya. Kefahaman dan nilai yang murni dalam memilih kepimpinan politik yang selari dengan *siyasa shar'iyah* yang benar dalam kalangan masyarakat Malaysia dapat mewujudkan pembangunan tamadun negara yang sejahtera dan manusia yang seimbang dalam menjamin politik sosial dan kehidupan yang harmoni.

## KESIMPULAN

Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi dapat disimpulkan cabaran media sosial dan kekeliruan ini memerlukan satu sistem yang efektif untuk beliau memilih calon pilihan raya yang sesuai. Beliau mengundi tanpa ada pengetahuan yang jelas tentang perkembangan politik di Malaysia terutamanya bagi *first time voter*. Pada usia setahun jagung inilah, beliau menggunakan platform yang paling mudah dan pantas untuk mendapatkan maklumat berkaitan politik.

Pemikiran politik beliau yang mudah terpengaruh dengan berita dan isu yang berlegar di media sosial membentuk suatu identiti dan persepsi dalam kalangan beliau terhadap calon pilihan raya. Ini menunjukkan, sumber maklumat yang dirujuk beliau sebagai rujukan mencari maklumat berkaitan politik berisiko ke arah pemilihan yang benar dan sebaliknya. Beliau harus memahami fenomena politik melalui sumber yang sahih. Generasi muda mempunyai kepentingan yang lebih besar dan diperlukan dalam memacu pembangunan politik negara kerana mereka adalah sebahagian daripada pemimpin masa hadapan. Pada masa yang sama, lebih banyak perhatian harus diberikan dalam usaha meningkatkan literasi kefahaman dan menyediakan panduan yang jelas dalam memilih pemimpin dikalangan beliau dan bagi pengundi ‘atas pagar’.

Pembinaan garis panduan pemilihan calon pilihan raya untuk beliau amat penting berdasarkan beberapa indikator keperluan; kematangan beliau dalam membuat pilihan mengundi calon pilihan raya, sumber rujukan maklumat beliau dalam mengenalpasti calon pilihanraya dan tiada panduan khusus dalam pemilihan calon. Pemilihan calon pilihan raya perlu disusun berlandaskan panduan yang digambarkan

oleh al-Quran, al-Sunnah dan prinsip syarak dan seiring dengan kemaslahatan politik di Malaysia; serta aspirasi dan kepentingan masyarakat. Selain itu, penilaian kesahihan sumber rujukan maklumat yang beretika mampu melahirkan belia yang memiliki sikap yakin dan rasa tidakbergantungan (*independency*) diri yang tersendiri. Tidak mengikut-ikut memilih pemimpin yang selayaknya dalam pilihan raya.

Justeru, keseimbangan ini perlu digariskan agar menjadi satu garis panduan yang jelas dalam melahirkan belia yang matang dan faham akan keputusan yang dibuat. Bukan sekadar memilih demi *melepas batok ditangga* dan menjadi lambang kebanggaan kononnya telah memilih, namun hakikatnya tidak menjiwai dan menghayati erti sebenar kepimpinan yang mempengaruhi seluruh hidup rakyat kedepannya. Belia memerlukan satu panduan yang jelas dengan justifikasi yang kukuh untuk mereka memilih calon pilihan raya bagi memastikan pilihan raya akan datang membawa makna dalam keharmonian masyarakat Malaysia khususnya dengan pemilihan yang seimbang diantara Islam dan Politik.

#### RUJUKAN

- Abu Dawud. 1935. Muhyi al-Din Abd al-Majid. Sunan Abi Dawud. Kitab Al-Jihad. Cairo Publication: Kaherah.
- Ali Salman, Mohammad Agus Yusoff, Mohd Azul Mohamad Salleh & Mohd Yusof Hj Abdullah. 2018. Penggunaan Media Sosial Untuk Sokongan Politik di Malaysia. *Journal of Nusantara Studies* 3(1): 51–63.
- Aminaton Hajariah Husnu & Russli Kamarudin. 2021. Islamic Political Development and New Media: A case Review in Malaysia from 2002 to 2012. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 11(3). doi:10.6007/ijarbss/v11-i3/9278
- Anon. 2019, July 25. Dewan Negara Luluskan Pindaan Perlembagaan Turunkan Umur Mengundi Kepada 18 Tahun. *Berita Harian*. Kuala Lumpur.
- Anon. 2021, May 7. Tinjauan Dapati Sebahagian Besar Belia Tidak Peduli Politik, Ahli Politik. *Malaysia Now*.
- Arvin Tajari, Nazri Muslim, Kennimrod Sariburaja James Pasaribu & Muhammad Ammar Hisyam Mohd Anuar. 2022. Dinamika Perubahan Budaya dan Pembangunan Politik di Malaysia: Satu Analisis Kritikal. *Jurnal Dunia Pengurusan* 4(2): 1–15. doi:10.55057/jdpg.2022.4.2.1
- Aulia Naufal, Syed Mohammad Cheadar Syed Abdurrahman al-Yahya & Robiatul Adawiyah Mohd@Amat. 2019. Memiiah Pemimpin Berpandukan al-Quran: Kajian Terhadap Terhadap Pilihan Raya Gabenor di Jakarta Tahun 2017. (October): 8–9.
- Azahar Kasim & Hasniza Kamarul Zaman. 2021. Social Media Analysis on Malay Political Parties in Malaysia: Study on the Issues and Comments Facebook. *International Journal of Law, Government and Communication* 6(26): 127–137. doi:10.35631/ijlgc.626011
- Hairol Anuar Hj Mak Din & Zakaria Stapa. 2012. Pemilihan Kepimpinan Politik Melalui Pendekatan Nilai-Nilai Islami. *Jurnal Pengajian Islam* VI(December): 58–70. Retrieved from [https://www.researchgate.net/profile/Hairol-Makdin/publication/311843787\\_PEMILIHAN KEPIMPINAN POLITIK MELALUI PENDEKATAN NILAI-NILAI ISLAMI/links/585cd92e08aebf17d3883f45/PEMILIHAN-KEPIMPINAN-POLITIK-MELALUI-PENDEKATAN-NILAI-NILAI-ISLAMI.pdf](https://www.researchgate.net/profile/Hairol-Makdin/publication/311843787_PEMILIHAN KEPIMPINAN POLITIK MELALUI PENDEKATAN NILAI-NILAI ISLAMI/links/585cd92e08aebf17d3883f45/PEMILIHAN-KEPIMPINAN-POLITIK-MELALUI-PENDEKATAN-NILAI-NILAI-ISLAMI.pdf)
- Halim Mokhtar, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Mustafa Kamal Amat Misra, Zulkefli Aini, Abdul Haiy Mahmud & Muhammad Fakhur Razi Shahabudin. 2022. Kompenen Kepimpinan Dimensi al-Qalb dari Perspektif Kepimpinan Islam: Satu Analisis Kajian Lepas. *Jurnal Pengajian Islam* 15(2): 113–124.
- Indra Fauzan & Nidzam Sulaiman. 2019a. Transisi Kepimpinan Dalam Islam: Analisis Terhadap Cara Pemilihan Khulafa' Al-Rasyidin. *Jurnal Hadhari* 11(2): 245–265.
- Indra Fauzan & Nidzam Sulaiman. 2019b. Transisi Kepimpinan dalam Islam: Analisis Terhadap Cara Pemilihan Khulafa' al-Rasyidin. *Jurnal Hadhari* 11(2) (2019) 11(2): 245–265.
- Junaidi Awang Besar. 2016. Perkaitan Sumber Maklumat Dengan Sokongan Kepada Parti Politik. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space* 32(1): 23–49.
- Junaidi Awang Besar. 2018. Kriteria pemimpin dan pola sokongan kepada parti politik di Dewan Undangan Negeri N56 Apas, Sabah. *Malaysian Journal of Society and Space* 14(3): 128–140. doi:10.17576/geo-2018-1403-10
- Junaidi Awang Besar. 2021. Sentimen Kepartian dan Personaliti Pemimpin pada Pilihan Raya Umum 2018: Kajian di kawasan DUN Chempaka, Kelantan. *Akademika* 91(1): 81–96.
- Junaidi Awang Besar, Abdul Muein Abadi & Ahmad Afif Zulkipli. 2018. *Gelombang Rakyat dalam Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14, 2018 di Malaysia*. Jayakarta, Nusa Tenggara Barat, Indonesia.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Khaidzir Hj Ismail, Abdul Halim Sidek & Noor Aziah Hj Mohd Awal. (n.d.). Persepsi Belia Terhadap Isu Politik dan Dasar Kerajaan Malaysia. *Malaysia Journal of Youth Studies*.
- Lee Kuok Tiung, Rizal Zamani Idris & Rafiq Idris. 2018. Propaganda dan Disinformasi: Politik Persepsi Dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) Malaysia. *Jurnal Kinabalu* 14(April): 171–198. Retrieved from <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/ejk/article/view/1648>
- Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. 2012. Pendapat dan Keperluan Generasi Muda Di Kawasan Parlimen Muar, Johor. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities* 7(1): 50–63.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali & Novel Lyndon. 2012. Akses kepada internet dan kesannya terhadap partisipasi politik penduduk di Negeri Johor. *Geografia : Malaysian Journal of Society and Space* 8(6): 76–89.
- Mohd Nizar Sudin, Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar & Marlisa Abdul Rahim. 2017. TN50 Generasi Muda: Suara Kepimpinan Masa Hadapan. *The International Seminar O N Islam, Culture and Heritage: Socio-Political and Economic Issues (ISICH) Universiti Utara Malaysia*.



- Muhammad Nadzri Mohamed Noor & Ghazali Mayudin. 2008. Hegemoni dan Kontra Hegemoni Fahami Perubahan Pilihan Raya Umum ke-12. *JEBAT* 35: 33–48.
- Muhammad Nurarif bin Idris. 2019. Pendidikan Politik di Sekolah . Kajian Kes Sekolah Menengah Negeri Selangor. *thesis* (November): 169. Retrieved from [https://www.researchgate.net/publication/344397504\\_Pendidikan\\_Politik\\_di\\_Sekolah\\_Kajian\\_Kes\\_Sekolah\\_Menengah\\_Negeri\\_Selangor](https://www.researchgate.net/publication/344397504_Pendidikan_Politik_di_Sekolah_Kajian_Kes_Sekolah_Menengah_Negeri_Selangor)
- Muhammad Saifulbakri Yusof. 2022, October 27. Belum Terlewat Tingkat Kesedaran Generasi Muda Keluar Mengundi. *Berita Harian*.
- Mujibu Abd Muis, Zaliha Hj Hussin & badrul Azmier Mohamaed@ Bakar. 2010. Perubahan Generasi dan Perkembangan Demokrasi di Malaysia Pasca Pilihan Raya Umum ke-12. *Proceedings Seminar on Nasional Resilience (SNAR 2010), Political Managements and Policies in Malaysia, (Bayview Hotel Langkawi. Institute of Tun Dr Mahathir Mohamad's Thoughts, Universiti Utara Malaysia, Sintok .*
- Nina Muslim. 2022, October 12. Pengundi Muda Masih 'Samar' Buat Pilihan, Tapi Berpotensi Jadi Penentu. *Selangor Kini*.
- Nor Azlina Endut, Rohaini Amin & Rosfazila Abd. Rahman. 2020. Kematangan Politik dalam Kalangan Belia di Malaysia. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5- Dalam Talian*, hlm. Vol. 5, 798–805.
- Nor Najihah Zafari & Junaidi Awang Besar. 2023. Persepsi Pengundi Terhadap Isu Politik Di Kawasan DUN Muadzam Shah, Rompin, Pahang. *Jurnal Wacana Sarjana* 7(2): 1–14.
- Norhayati Mohd Salleh. 2008. Pilihan Raya Umum k3-12 (PRU-12) "Tsunami" Politik Melayu. *JEBAT* 35: 49–64.
- Nur Ellyanis Mohd Basori & Junaidi Awang Besar. 2020. Politik Belia dan Pilihan Raya Umum ke-14 di Malaysia. *Jurnal of Social Sciences and Humanities* 17(7): 1823–884.
- Nur Hasliza Mohd Salleh. 2023, February 17. Lepas PRU 15, Apa Cerita Politik Muda? *Malaysia Now*.
- Nursyahida Zulkifli, Siti Khadijah Omar, Nor Farizah Johari, Muhammad Syafiq Hassan & Mohamad Rahimi Mohamad Rosman. 2021. Pengaruh Media Baru dan Penglibatan Politik Belia. *Advances in Humanities and Contemporary Studies Vol. 2(2)*: 63–77. Retrieved from <file:///C:/Users/Acer/Downloads/5006-ArticleText-30394-1-10-20220103.pdf>
- Nurul Hazirah Kamaruddin. 2022, January 30. Undi18 Tuntut Kesesuaian Ekosistem Politik, Aspirasi Generasi Muda. *Berita Harian*.
- Nurul Naemah Hamedan, Syed Agil Shekh Alsagoff & Akmar Hayati Ahmad Ghazali. 2019. Media, Isu dan Tingkah Laku Pengundi dalam Pilihan Raya Umum ke-14: Satu Kajian Awal. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 35(2): 293–312. doi:10.17576/JKMJC-2019-3502-18
- Nurul Naemah Hamedan, Syed Agil Shekh Alsagoff & Akmar Hayati Ahmad Ghazali. 2019. Media, Isu dan Tingkah Laku Pengundi dalam Pilihan Raya Umum ke-14: Satu Kajian Awal. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 35(2): 293–312. doi:10.17576/jkmjc-2019-3502-18
- Raja Hisyam Raja Zaid. 2022, May 25. 41 peratus Golongan Belia Belum Bersedia Tentukan Parti Mana Untuk Diundi Pada PRU15 - Kaji Selidik. *Astro Awani*.
- Saadiah Ismail. 2021, December 1. Pendaftaran Pengundi 18 Tahun Berkuat Kuasa 15 Disember. *Berita Harian*.
- Seksyen Penyata Rasmi Parlimen Malaysia Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat (2019).
- Shamrahayu Aziz. 2012, June 5. Pengundi Muda Perlu Matang dalam Memilih Pemimpin. *Berita Harian*.
- Siti Khatijah Yasin, Fadzli Adam, Mohd Ridhuan Tee Abdullah, Nik Fadhilah Nik Him, Siti Rokiah Ab. Rahman & Nurhazilah Mamat. 2022. Kepimpinan Islam Mendeapani Masyarakat Majmuk di Malaysia. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research* 2(2): 14–20.
- Siti Noranizahhafizah Boyman. 2019. Kecenderungan Politik dalam Kalangan Belia Wanita di Perak. *Journal of Social Sciences and Humanities* 16(7): 1–5.
- Sulastry Yuni Ahmad & Nidzam Sulaiman. 2008. Kedudukan Barisan Nasional Dalam Pilihan Raya Malaysia: Berakhirnya Era Hegemoni. *Seminar Politik Malaysia*, hlm. 164–176.
- Suresh Kumar N Vellymalay & Sivarajan Porniah. (n.d.). Tsunami India dalam Pilihan Raya Umum ke-14 Peralihan Sokongan daripada Politik Etnik kepada politik Multietnik. *JEBAT Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 2018 45(2): 206–231.
- Sutisna. 2014. Urgensi Kepala Negara dan Pengangkatannya Dalam Islam. *Jurnal Sosial Humaniora* 5(2): 43–49.
- Suzalina Halid. 2022, November 15. PRU15: Pengundi Atas Pagar Didominasi Orang Muda Jadi Penentu Mandat .
- Taqiyyuddin Ibnu Taimiyah. 1995. Siyasa Syar'iyah: Etika Politik Islam. (Rofi' Munawwar, Ed.). Surabaya: Risalah Gusti.
- UOW Malaysia KDU. 2022, January 31. UNDI18: Peranan dan Tanggungjawab Generasi Muda. *MalaysiaKini*.
- Yazid Saleh, Siti Noranizahhafizah Boyman, Hanifah Mahat, Mohamadisa Hashim, Nasir Nayan, Saiyidatina Balkhis & Samsudin Suhaili. 2020. Pola sokongan pengundi muda sebelum Pilihan Raya Umum ke 14 di Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space* 16(1). doi:10.17576/geo-2020-1601-07
- Yuni Masrifatin. 2018. Prophetic Leadership Khulafaur Rosyidin. *Journal of Education and Technology* 2(1): 30–42.
- Zahar Din. 2022, April 7. Masa Depan Negara di Tangan Pengundi Muda. *Utusan Malaysia*.
- Zaili binti Ibrahim, Manisah binti Abdul Hamid & Fauzimah binti Wahab. (n.d.). Kekurangan Peratusan Pelajar Keluar Mengundi Semasa Pilihanraya Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP), Persepsi Terhadap Peranan dan Tanggungjawab serta Hak Mengundi: Satu Kajian Kes di Kolej Komuniti Teluk Intan.
- Zawiyah Mohd Zain. 2021. Budaya politik masyarakat Melayu: Satu analisis. *Malaysian Journal of Society and Space* 17(1): 297–311. doi:10.17576/geo-2021-1701-22
- Zulkifli Mohd Yusoff & Abdul Hafiz Abdullah. 2013. Pemimpin Menurut Pandangan HAMKA: Satu Tinjauan Dalam Tafsir Al-Azhar. *Jurnal Al-Tamaddun* 8(1): 17–38.

KANDUNGAN / CONTENTS

<b>Pembekuan Akaun Bank Melalui Penghakiman Hiwalah Di Mahkamah Syariah</b> <i>Freezing of Bank Accounts through Hiwalah Judgments in Shariah Court</i>	1-11
Mohd Hazwan Ismail	
<b>Aplikasi Maqasid Syariah dalam Ibadah Bersuci dan Solat Bagi Anggota Sniper, Angkatan Tentera Malaysia</b>	12-18
<i>The Application of Maqasid Shariah in Ritual Purity and Prayer for Snipers in The Malaysian Armed Forces</i>	
Mohd Sukri Haji Yahya, Muhammad Nazir Alias, Muhaidi Hj. Mustaffa Al-Hafiz, Azlisham Abdul Aziz, Mohamad Muntaha Hj Saleh	
<b>Persepsi Pelajar Muslim Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Terhadap Faktor Pemilihan Pelaburan Dana Unit Amanah Islam (DUAI)</b>	19-28
<i>Perceptions of Sultan Zainal Abidin University (UniSZA) Muslim Students Regarding the Investment Selection Factors of Islamic Unit Trust Fund (IUTF)</i>	
Mohd ‘Adli Zahri, Fatin ‘Alia Zahri, Nurul Ilyana Muhd Adnan	
<b>Etika Berpakaian dalam Iklan Menurut Perspektif Islam</b>	29-35
<i>Ethics of Dressing in Advertising from an Islamic Perspective</i>	
Nurul Najihah Binti Mohamad Shokri, Norhoneydayatie Abdul Manap	
<b>Masjid Sebagai Alternatif Pusat Penjanaan Ekonomi Masyarakat Setempat: Satu Sorotan Literatur</b>	36-41
<i>Mosques as an Alternative for Local Community Economic Development: A Literature Review</i>	
Mohamad Bazli Md Radzi, Salmy Edawaty Yaacob, Azlin Alisa Ahmad	
<b>Keperluan Pembinaan Panduan Pemilihan Calon Pilihan Raya Untuk Belia</b>	42-50
<i>The Need for Establishing Guidelines for Young Voters in the Selection of Electoral Candidates</i>	
Farrah Nuur Fatheeah Zullaile, Zuliza Mohd Kusrin, Anwar Fakhri Omar	
<b>Pengoperasian Kontrak Tawarruq Dalam Sistem Teras Perbankan Islam di Malaysia</b>	51-68
<i>The Implementation of the Tawarruq Contract in the Islamic Core Banking System in Malaysia</i>	
Mohd Naufal Mohd Tarmizi, Ahmad Hidayat Buang, Mohd Zaidi Daud	
<b>Sejarah Pentadbiran Undang-Undang Zakat di Negeri Kedah 1955 - 1982: Analisis Penggubalan Undang-Undang Bertulis</b>	69-78
<i>The History of Zakat Law Administration in Kedah 1955 - 1982: An Analysis of Written Law Legislation</i>	
Mohd Shuzaini Soib, Jasni Sulong	

حديث «لا يحل سلف وبيع» وتطبيقاته في باب الإجارة في المصارف الإسلامية

79-83

*The Hadith "No Loan Coupled with a Sale is Permissible" and Its Applications in the Field of Leasing in Islamic Banks*

Gamal Mohamed Ali Abdelrehim, Mohammad Zaini Yahaya, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani

**Undang-Undang Adat Sembilan Puluh Sembilan Negeri Perak: Analisis Daripada Perspektif Perundangan Islam**

84-93

*The Ninety-Nine Customary Law of Perak: An Islamic Legal Analysis*

Muhammad Nazirul Mohd Sabri, Jasni Sulong